

15/06/2001

Bantu Alex penuhi impian sertai F1

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad pernah mengumpamakan pemandu kereta lumba Formula Satu (F1) sebagai golongan amat istimewa. Berbanding jumlah Perdana Menteri di merata pelosok dunia, hanya 22 pelumba mewakili 11 pasukan yang bersaing dalam perlumbaan F1 pada satu-satu masa. Buat rakyat Malaysia pula, F1 bukan lagi asing sesudah tiga tahun mengikutinya secara dekat. Kita sudah memiliki antara litar lumba terbaik, pernah diumumkan penganjur terbaik dan menaja sebuah pasukan yang beransur-ansur mengukir nama. Namun, ia semacam belum lengkap. Mungkin masih terlalu awal untuk mengharapkan kejuaraan tetapi harapan untuk melihat seorang anak Malaysia berlumba dalam kejohanan penuh berprestij itu kini semakin hampir.

Pada Alexander Yoong, kita sebenarnya memiliki seorang pelumba yang tidak kekurangan bakat. Cuma kesempatan buatnya yang selama ini agak terbatas. Kini, dengan tawaran yang dihulurkan pasukan Minardi, peluang buat Alex terbuka luas. Cuma wang tajaan yang menjadi pemisah dan kita berasakan ia bukanlah halangan terbesar sekiranya bakal penaja di kalangan syarikat korporat tempatan melihat kepentingannya bukan hanya buat pelumba itu, malah kepada negara secara amnya. Alex tidak mungkin dapat berlumba dengan usahanya bersendirian. Dengan dorongan kuat Kementerian Belia dan Sukan serta sokongan sektor korporat tempatan, impian besar ini harus direalitkan. Ia bakal menjadi satu lagi rangsangan buat rakyat Malaysia mencontohi apa yang orang lain boleh lakukan.

(END)